

06/06/2001

Perdana Menteri syor dokumenkan peristiwa penting

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan peristiwa menarik mengenai Malaysia didokumenkan bagi membantu rakyat memahami dan menghargai sejarah.

Perdana Menteri berkata, ini kerana salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh negara ketika ini ialah tidak ramai orang tahu mengenai sejarah.

Sehubungan itu, beliau juga mahu rakyat supaya belajar daripada peristiwa lalu kerana sejarah banyak memberi pengajaran dalam kehidupan seseorang.

"Mereka yang tidak tahu mengenai sejarah lazimnya akan berulang kali membuat kesilapan.

"Sejarah lalu juga menyaksikan banyak peristiwa. Mungkin kita harus memadamkan semua sejarah (hitam) Malaysia supaya kita jadi aman. Malangnya, peristiwa semasa juga boleh menimbulkan banyak perbezaan dan ia mungkin tidak seaman yang kita mahu.

"Namun, sejarah banyak membawa pengajaran. Kalau kita lupa (sejarah), kita akan berulang kali lakukan kesilapan masa lalu dan yang baru lalu. Adalah baik untuk kita tahu sejarah bagi mengelak kesilapan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan buku *The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago* di pejabatnya di sini, hari ini.

Buku setebal 472 muka surat itu disunting dan diulas oleh Pengerusi Institut Penyelidikan Sosial Malaysia (MSRI) Dr Alijah Gordon. Masjid Tanjong Kling, Melaka dijadikan hiasan muka depan buku berkulit tebal itu yang dijual dengan harga RM120 senaskhah.

Katanya, gugusan Malaysia dan Indonesia dijajah oleh banyak negara dari Eropah sejak beratus tahun lalu dan rakyatnya tidak mungkin mahu dijajah semula oleh kuasa asing.

Namun katanya, rakyat harus berwaspada kerana kuasa besar memang berhasrat berbuat demikian melalui cara lain, terutama penjajah melalui kuasa ekonomi.

"Itulah kemungkinan yang harus kita ingat kerana idea dominasi oleh negara lain belum terhakis termasuk melalui kuasa ekonomi. Kita merdeka selepas Perang Dunia Kedua dan tidak mahu dijajah sekali lagi, sama ada secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Beliau gembira kerana di Malaysia, walaupun banyak perbezaan yang dibawa oleh orang asing ke negara ini seperti dari India dan China, semuanya dapat hidup dalam keadaan selesa dan harmoni.

Malah katanya, Islam juga dibawa ke sini, bukan saja oleh orang Arab dan India Muslim, malah oleh orang Cina Islam dari China.

Dr Mahathir berkata, Islam tidak mungkin datang ke Malaysia jika tidak kerana orang Arab dan Muslim dari India dan Cina yang merupakan pelayar hebat.

"Mereka tahu semuanya tentang angin, arus dan kedudukan ketika mereka belayar," katanya.

Beliau berkata, mereka ini memajukan diri dalam bidang pelayaran dengan begitu baik sehingga mampu mengembara beribu-ribu batu dengan dibantu hanya beberapa peralatan.

"Islam banyak terhutang budi kepada kemampuan pelayaran golongan ini," katanya.

(END)